

Peniaga durian dikompaun RM1,000

KUANTAN - Seorang peniaga durian dikenakan kompaun RM1,000 oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Jerantut kerana gagal memperkenan harga raja buah itu kelmarin.

Ketua Penguatkuasa KPDNHEP Jerantut, Abdul Mubin Ahmad berkata, kesalahan tersebut dikesan dalam operasi yang dijalankan di Kampung Batu Balai, Jerantut kira-kira 9 pagi.

Menurutnya, sewaktu pemeriksaan, peniaga berusia 38 tahun itu gagal mempamerkan tanda harga membabitkan 400 biji durian seberat 500 kilogram.

"Jadi kita telah mengambil tindakan mengikut Perintah 3 (1), Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh

Penjual Runcit) 1993, dengan menge-nakan kompaun sebanyak RM1,000.

"Kita juga memberikan nasihat dan panduan supaya dia tidak mengulangi kesalahan yang sama pada masa akan datang," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Abdul Mubin me-nasihatkan peniaga agar mempamerkan tanda harga semua jenis buah-buahan yang dijual dan menggunakan alat pe-nimbang yang sah.

"Kami akan kerap mengadakan pemeriksaan ke atas peniaga buah-buahan di semua lokasi Jerantut dan Lipis bagi jaminan keselesaan pengguna membeli raja buah itu termasuk buah-buahan lain," katanya.



Penguat kuasa KPDNHEP dalam operasi dijalankan di Kampung Batu Balai, Jerantut kelmarin.